

KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN BORNEO

TARIKH : 24 OGOS 2024

SITASI :

M/S :

Najurus, V. O. (2024, August 24). Program kembara ilmu ini khazanah kita galak minat membaca dalam komuniti setempat . *Utusan Borneo*. Retrieved August 24, 2024, from <https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/24/program-kembara-ilmu-ini-khazanah-kita-galak-minat-membaca-dalam-komuniti-setempat>.



Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita galak minat membaca dalam komuniti setempat

2024-08-24T13:20:27+08:00



MENARIK: Aaron mencuba salah satu permainan e-sport yang turut disediakan di dalam kereta api terbabit.



DIGITAL: Aaron melawat salah satu pameran digital yang mencatatkan rekod dalam MBOR.

KOTA KINABALU: Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita yang diadakan bermula di Stesen Keretapi Tanjung Aru, di sini menggalakkan minat membaca dalam komuniti setempat selain mempromosikan program galakan membaca dengan pelbagai platform untuk masyarakat di Sabah.

Menyatakan perkembangan ini, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, usaha ini selari dengan fokus Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca yang selari dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Pembaca menjelang tahun 2030.

"Sepanjang perjalanan dari Stesen Keretapi Tanjung Aru ke Papar, pelbagai pengisian berjaya diadakan termasuklah pameran digital yang mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Record (MBOR) dengan tajuk "First Digital Library Exhibition Aboard A Train".

"PNM juga mengangkat kandungan pameran manuskrip Melayu, u-Pustaka, bahan-bahan terbitan PNS berkaitan kemerdekaan dan sejarah serta warisan budaya di Sabah dan terdapat juga aktiviti e-sukan untuk menarik minat golongan muda.

"Pameran digital ini berlangsung mulai 24 Ogos hingga 5 September secara percuma dan dijangkakan akan dihadiri lebih 10,000 pengunjung," katanya.

Menurutnya, program yang turut diadakan bersama Program Etie Adat Tokou di Perpustakaan Desa Kampung Rancangan Klias, Beaufort, dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi PNM dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah

(PNS), Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Sutera Harbour Resort.

Bercakap lanjut beliau berkata, pengiktirafan MBOR ini memperlihatkan kesungguhan PNM dalam mempelbagaikan pendekatan baharu untuk mempromosi program galakan membaca bukan sahaja di perpustakaan sendiri malah membaca di mana sahaja berada.

“KPN) akan mewujudkan sudut bacaan di stesen keretapi terpilih di Sabah agar pengguna perkhidmatan keretapi dapat menikmati bacaan santai sebagai santapan ilmiah mereka,” katanya.

- oleh
- Vivi Olviana Najurus

Sumber : <https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/24/program-kembara-ilmu-ini-khazanah-kita-galak-minat-membaca-dalam-komuniti-setempat>